

UCAPAN MENTERI SEKITARAN DAN SUMBER AIR MERANGKAP MENTERI BERTANGGUNGJAWAB BAGI EHWAL MASYARAKAT ISLAM, DR YAACOB IBRAHIM, DI MAJLIS *HI-TEA* ANJURAN MASJID HAJJAH RAHIMABI KEBUN LIMAU DI ORCHID COUNTRY CLUB, PADA SABTU 29 MEI 2010, 3 – 4.30 PETANG.

Haji Mohd Alami Musa
Presiden, Majlis Ugama Islam Singapura

Encik Heng Chee How
Anggota Parlimen GRC Jalan Besar

Haji Mohtar Monip
Pengerusi Lembaga Pentadbir Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau

Para hadirin yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bersyukur dan berbesar hati kerana dapat menghadiri majlis *hi-tea* ini yang bertujuan mengumpul dana bagi projek peningkatan Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau.

2 Masjid Hajjah Rahimabi mempunyai sejarah yang dapat kita banggakan. Ia dibangunkan pada tahun 1961 sebagai sebuah surau hasil *keringat dan semangat* gotong-royong para penduduk Kebun Limau ketika itu. Surau Kebun Limau yang terletak di Jalan Kim Keat itu dapat menampung kira-kira 120 jemaah dan hanya dilengkapi dengan kemudahan asas.

3 Surau itu diperluaskan pada tahun 70-an apabila bilangan penduduk di kawasannya makin bertambah. Pada tahun 1981, Puan Hajjah Rahimabi Ahmad Angullia menghulurkan derma sebanyak \$1.6 juta untuk membina masjid yang ada kini untuk menggantikan surau tersebut. Semangat dermawan Puan Hajjah Rahimabi membolehkan sebuah masjid dibina untuk manfaat para penduduk Kebun Limau ketika itu dan juga masyarakat Islam seluruhnya.

4 Sejak itu, Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau yang ada kini telah banyak berbakti kepada para penduduk Islam di negara ini. Selain memenuhi keperluan keagamaan, ia juga menjadi tumpuan bagi pelbagai kegiatan sosial dan pendidikan. Saya difahamkan para artis Jalan Ampas dulu begitu mesra dengan Masjid Hajjah Rahimabi. Seperti kata orang “tempat jatuh lagi dikenang inikan pula tempat bermain”. Oleh itu, tidaklah menghairankan beberapa artis itu telah kembali untuk menyokong usaha mengumpul dana bagi peningkatan masjid pada hari ini.

5 Para hadirin sekalian, masjid merupakan sebuah institusi utama bagi masyarakat Islam setempat. Sejajar dengan ini, masjid-masjid setempat perlu memastikan ia terus relevan dan dapat memenuhi keperluan keagamaan masyarakat Islam setempat. Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) telah melakar satu pelan lima tahun untuk mempertingkatkan masjid-masjid setempat menggunakan Dana Pembangunan Masjid dan Mendaki ataupun MBMF. Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau, yang semakin usang, perlu dipertingkatkan untuk memenuhi keperluan masa depan masyarakat Islam setempat.

6 Sejak ia diperkenalkan pada tahun 1975, MBMF telah berkembang untuk menjadi sebuah institusi masyarakat Islam Singapura yang dapat dibanggakan. Sebanyak hampir \$130 juta telah dikumpulkan dan 23 buah masjid moden telah dapat dibangunkan. Pendek kata, MBMF melambangkan semangat jitu dan kerjasama masyarakat kita dalam kemajuan dan pembangunan masyarakat Islam Singapura.

7 Pindaan yang dibuat ke atas Akta Pentadbiran Undang-undang Islam ataupun AMLA pada Oktober 2008 telah membolehkan masyarakat kita menambah sumbangan kepada MBMF. Pindaan itu juga telah membolehkan dana yang terkumpul disalurkan kepada program peningkatan masjid dan pendidikan agama.

8 Alhamdulillah. Saya berbesar hati untuk mengumumkan bahawa sejak pindaan itu berkuatkuasa pada 1 Mac 2009, sebanyak \$15.4 juta telah dikumpulkan bagi MBMF antara Mac 2009 dan Februari 2010. Jumlah pungutan ini adalah 20 peratus lebih tinggi daripada jangkaan MUIS.

9 Pungutan dana yang lebih tinggi ini tercapai kerana semakin ramai pekerja Islam kini mempunyai pendapatan yang lebih tinggi dan juga semangat gotong royong dan murah hati yang terus membara.

10 Saya diberitahu bahawa projek peningkatan Masjid Hajjah Rahimabi dianggarkan menelan belanja \$2 juta. Mengikut rancangan awal MUIS, Masjid Hajjah Rahimabi akan diberi peruntukan sebanyak \$1 juta dari MBMF. Namun, penambahan

ke atas pungutan MBMF membolehkan MUIS menambah peruntukkan bagi projek peningkatan Masjid Rahimabi Kebun Limau sebanyak \$500,000, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak \$1.5 juta. Walaubagaimanapun, pihak masjid masih perlu berdikari dan mengumpul baki kos peningkatan sebanyak \$0.5 juta. Apabila siap kelak, masjid akan dilengkapi dengan kemudahan baru dan akan menjadi lebih selesa untuk semua jemaah.

11 Para hadirin sekalian, saya berbesar hati atas kehadiran dan sumbangan anda bagi projek peningkatan Masjid Hajjah Rahimabi. Semangat gotong royong yang ditunjukkan oleh anda sekalian dan sifat dermawan Puan Hajjah Rahimabi, perlu terus disemai dan dicontohi semua. Ia membolehkan masyarakat kita berpadu tenaga untuk menangani pelbagai cabaran secara berkesan. Dengan ini, saya mendoakan agar Lembaga Pentadbir Masjid Hajjah Rahimabi Kebun Limau berjaya mengumpul dana yang diperlukan bagi projek peningkatan ini.

Terima kasih.